



# **KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

## **BERKENAAN:**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2020 SIRI 1  
MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN  
PERSEKUTUAN DAN BADAN-BADAN BERKANUN  
PERSEKUTUAN**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA  
KEWANGAN DAN PENGAUDITAN PEMATUHAN AGENSI  
PERSEKUTUAN TAHUN 2020**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2020 SIRI 1  
MENGENAI PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN  
PERSEKUTUAN**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2020 SIRI 1  
MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

1. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat secara bersiri seperti mana amalan tahun-tahun sebelumnya. Laporan yang dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada hari ini, iaitu pada 22 Mac 2022 terdiri daripada 16 naskhah seperti berikut:
  - 1.1. Tiga naskhah LKAN peringkat Persekutuan iaitu:
    - (a) LKAN Tahun 2020 Siri 1 mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan;

- (b) LKAN Penyata Kewangan dan Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan Tahun 2020; dan
- (c) LKAN Tahun 2020 Siri 1 mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan.

1.2. 13 naskhah LKAN peringkat negeri, iaitu LKAN Tahun 2020 Siri 1 bagi Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri.

- 2. Pada hari pembentangan, Jabatan Audit Negara juga memberi taklimat berhubung isu-isu utama penemuan Audit yang dibangkitkan dalam laporan tersebut kepada ahli-ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara di Parlimen.
- 3. Laporan Ketua Audit Negara pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

### **3.1. LKAN Tahun 2020 Siri 1 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan**

- (a) Pengauditan prestasi terhadap aktiviti Kerajaan dijalankan selaras dengan Seksyen 6 (d), Akta Audit 1957 serta berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh The International Organisation of Supreme Audit Institutions (INTOSAI). Pengauditan prestasi yang dijalankan bertujuan untuk menilai sama ada aktiviti/projek/program Kerajaan telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif aktiviti/projek/program ini telah tercapai. Ia juga bertujuan untuk menilai sejauh mana wang awam telah dibelanjakan dengan berhemat, cekap dan berkesan tanpa berlaku pemborosan dan pembaziran serta mendapat *best value for money*.

- (b) Bagi LKAN Tahun 2020 Siri 1, sebanyak 10 pengauditan prestasi bernilai RM39.719 bilion telah dilaksanakan melibatkan lapan jabatan, tiga syarikat milik Kerajaan dan empat badan berkanun Persekutuan/agensi di bawah tujuh kementerian. Daripada jumlah tersebut, enam pengauditan melibatkan kategori program/aktiviti, tiga melibatkan kategori projek dan satu melibatkan sistem ICT.
- (c) Secara keseluruhannya, pelaksanaan aktiviti/projek/program Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan mengikut objektif yang ditetapkan. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan seperti sasaran output dan pencapaian keberhasilan yang ditetapkan tidak dapat dicapai atau tidak boleh dinilai. Hal ini kerana sasaran kuantitatif, mekanisme dan indikator tidak ditetapkan, serta data berkaitan tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.
- (d) Ketua Audit Negara telah mengemukakan 33 syor untuk dipertimbangkan pelaksanaannya oleh kementerian/jabatan/agensi Persekutuan yang diaudit.

### **3.2. LKAN Mengenai Penyata Kewangan dan Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan Tahun 2020**

- (a) LKAN mengenai Penyata Kewangan dan Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan Tahun 2020 mengandungi pengesahan terhadap Penyata Kewangan Agensi Persekutuan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 dan hasil pengauditan pematuhan tahun 2020 terhadap lima Agensi Persekutuan.
- (b) Setakat 31 Disember 2021, sebanyak 140 penyata kewangan telah siap diaudit dan dikeluarkan Sijil Ketua Audit Negara manakala tujuh penyata kewangan dalam

proses pengauditan. Daripada 140 penyata kewangan tersebut, 109 penyata kewangan telah diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran, 14 penyata kewangan telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan Penegasan Perkara dan 17 penyata kewangan telah diberikan Pendapat Berteguran.

- (c) Pada tahun 2021, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pematuhan terhadap lima Agensi Persekutuan. Ketidakpatuhan terhadap pengurusan kewangan telah menyebabkan berlaku isu pembayaran tidak teratur berjumlah RM1.299 bilion, kerugian wang awam berjumlah RM11.45 juta dan pembaziran kepada Kerajaan berjumlah RM8.87 juta.
- (d) Bagi membolehkan tindakan pembedahan dan penambahbaikan diambil, 19 syor telah dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dan Ketua Agensi berkenaan untuk dipertimbangkan pelaksanaannya.

### **3.3. LKAN Tahun 2020 Siri 1 Mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan**

- (a) LKAN mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Tahun 2020 Siri 1 mengandungi hasil pengauditan terhadap enam syarikat Kerajaan Persekutuan. Pengauditan dijalankan selaras dengan Seksyen 5(1)(d), Akta Audit 1957 dan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 [P.U.(A) 294] yang telah diwartakan pada 30 September 2017 serta skop pengauditan yang dinyatakan dalam laporan. Pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan dilaksanakan berfokus terhadap pencapaian objektif penubuhan syarikat dengan meneliti tiga aspek iaitu tadbir urus korporat, pengurusan aktiviti dan kedudukan kewangan syarikat.

- (b) Secara keseluruhannya, empat syarikat telah mencapai objektif penubuhan syarikat; dua syarikat menunjukkan tahap amalan tadbir urus korporat yang baik; dan tiga syarikat memperlihatkan kedudukan kewangan yang stabil.
- (c) Ketua Audit Negara telah mengemukakan 31 syor kepada pihak pengurusan syarikat berkenaan untuk diambil tindakan bagi penambahbaikan perkara yang dilaporkan.

#### **3.4. LKAN Tahun 2020 Siri 1 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri**

- (a) Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan prestasi terhadap 18 program/aktiviti/projek yang melibatkan 2 kementerian (Sabah dan Sarawak), 15 jabatan dan 12 agensi Kerajaan Negeri. Selain itu, pengauditan pengurusan syarikat telah dijalankan terhadap 11 syarikat Kerajaan Negeri. Keseluruhan bilangan laporan yang dimasukkan dalam LKAN Negeri pada kali ini ialah 29. LKAN Negeri ini disediakan sebanyak 13 naskhah, iaitu setiap naskhah LKAN untuk sebuah negeri.
  - (b) Ketua Audit Negara telah mengemukakan 111 syor, iaitu 70 syor untuk dipertimbangkan pelaksanaannya oleh kementerian/jabatan/agensi negeri serta 41 syor oleh syarikat Kerajaan Negeri yang berkenaan.
4. Semua Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit.

5. LKAN Tahun 2020 Siri 1 mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan; LKAN mengenai Penyata Kewangan dan Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan Tahun 2020 dan LKAN Tahun 2020 Siri 1 mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan akan dimuat naik di Laman Web Jabatan Audit Negara selepas pembentangnya di Dewan Rakyat. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 22 Mac 2022 selepas jam 10.05 pagi. LKAN peringkat negeri pula yang melibatkan 13 negeri hanya akan dimuat naik di Laman Web Jabatan Audit Negara selepas pembentangnya di Dewan Undangan Negeri masing-masing.
  
6. Isu-isu LKAN Tahun 2020 Siri 1 juga akan dimuat naik di Portal *Auditor General's Dashboard* (AGD) pada 22 Mac 2022 mulai jam 10.30 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan ini bolehlah dialamatkan kepada [jbaudit@audit.gov.my](mailto:jbaudit@audit.gov.my).

Ketua Audit Negara  
Malaysia

22 Mac 2022 M  
19 Syaaban 1443 H



LKAN 2020 Siri 1 boleh diakses melalui QR Code ini selepas jam 10.05 pagi (22 Mac 2022)  
<https://bit.ly/lkan2020Sr1>